

Pengundi Cina sokong BN – Najib

Um- 26/3/2007

RAUB 25 Mac – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yakin pengundi Cina akan terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap pada 12 April depan.

Beliau menafikan desas-desus yang disebarkan sesetengah pihaknya bahawa pengundi Cina tidak berpuas hati dengan BN dan tidak akan mengundi calon BN pada pilihan raya kecil berkenaan.

Najib berkata, pilihan raya kecil DUN Batu Talam yang berlangsung Januari lalu

adalah contoh terbaik yang memperlihatkan sokongan pengundi Cina adalah kuat kepada BN.

Beliau berkata, peti undi Cheroh di Batu Talam yang majoriti pengundinya adalah kaum Cina dimenangi oleh calon BN, Abdul Aziz Mat Kiram menewaskan calon bebas, Ng Chee Pang.

“Kita yakin bahawa pengundi Cina faham bahawa kepentingan mereka lebih terbela di bawah BN,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Mesra Rakyat, di sini hari ini.

Najib ditanya sama ada pilihan raya kecil

Machap itu bakal menjadi pengukur kepada sokongan pengundi Cina terhadap BN, selepas penolakan di kalangan pengundi Cina pada pilihan raya negeri Sarawak yang lepas.

“Saya yakin walaupun Machap kawasan campuran antara kaum tapi sokongan Barisan Nasional akan dapat kita pertahankan..., di Sarawak lain cerita, ini Semenanjung,” katanya.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 3 April ini untuk penamaan calon bagi pilihan raya kecil DUN Machap berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk

Wira Poh Ah Tiam.

Selepas pilihan raya umum 2004, BN menang di tiga kawasan DUN yang majoritinya pengundi Melayu iaitu di Kuala Berang, Pengkalan Pasir dan Batu Talam.

Pada pilihan raya DUN Machap kali ini majoriti pengundinya adalah kaum Cina iaitu melebihi 45 peratus.

Terdahulu ketika berucap, Najib berkata, kejayaan BN pada pilihan raya kecil DUN Batu Talam membuktikan usaha pihak pembangkang memboikot pilihan raya kecil itu ditolak sepenuhnya oleh rakyat.